

D. MICEOFF4 DAPAT PUJIAN MB PERLIS



Persidangan '4th Malaysian International Conference on Essential Oils and Fragrance and Flavour Materials (MICEOFF4)' dengan tema *'Emerging Opportunities in Malaysia with Industry and Researchers Working Together'* pada 8-11 Mei 2005 lalu, anjuran bersama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dan Institut Kimia Malaysia (IKM) serta Kerajaan Negeri Perlis mendapat pujian Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis.

Menurut Dato' Seri Shahidan, usaha yang telah ditunjukkan oleh KUKUM dengan menganjurkan persidangan antarabangsa itu adalah tepat pada waktunya. MICEOFF4 adalah persidangan yang pertama diadakan di negara ini sejurus selepas Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia melancarkan Dasar Bioteknologi Negara pada 28 April 2005 lalu. Persidangan tersebut diadakan bagi tujuan menerokai potensi industri 'minyak pati' (*essential oils*) dan perkembangannya di Malaysia selain bertindak sebagai forum menghimpunkan pakar-pakar di dalam bidang

'minyak pati' dari seluruh dunia. Persidangan itu juga diharapkan menjadi pemangkin kepada peningkatan penyelidikan 'minyak pati' di negara ini dan seterusnya menyemai hubungan kerjasama yang lebih erat antara pelbagai organisasi yang berkaitan.

Dato' Seri Shahidan juga mengulas, Kerajaan Negeri Perlis bersedia menjalinkan hubungan kerjasama melalui penyelidikan bersama atau projek usahasama dengan mana-mana pertubuhan atau organisasi untuk tujuan membangunkan industri herba di negeri itu. Perlis adalah salah sebuah negeri di negara ini yang mempunyai sumber flora dan fauna semulajadi yang banyak dan ia masih belum dieksploitasi.

"Malaysia telah diiktiraf di peringkat antarabangsa antara 12 buah negara di dunia ini yang mempunyai sumber alam semulajadi yang pelbagai. Kita mempunyai 185,000 spesis fauna, 12,500 spesis tumbuhan berbunga dan 1,100 spesis flora. Kebanyakan spesis ini pula terdapat di negeri Perlis. Sumber alam semulajadi ini menawarkan sumber agen baru yang penting untuk kegunaan industri dan pertanian, termasuk lah juga di dalam bidang farmasi dan nutrasii".

"Kerajaan Negeri Perlis amat komited kepada potensi industri herba di negeri ini. Kita akan menyediakan kemudahan infrastruktur dan persekitaran yang kondusif kepada mana-mana organisasi khususnya pihak swasta dengan menggalakan mereka melabur di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) herba atau perniagaan herba di negeri ini", ujar beliau lagi.

Persidangan Antarabangsa MICEOFF4 yang berlangsung di Hotel Putra Palace, Kangar itu telah berjaya menghimpunkan lebih daripada 50 orang pakar di dalam bidang bioteknologi dari dalam dan luar negara. Antara delegasi antarabangsa yang hadir ialah Dr. Danial Joulain dari Robertet, Perancis, Jim Gobert dari Main Camp, Australia, Prof. Dr. Luigi Mondello dari Univesita di Messina, Itali dan Topul Rali dari University of Papua New Guniea.

Wakil Malaysia pula antara lain terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Latif Mohamed dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Mohd Nor Ahmad dari Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), Aini Zakaria dari Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Mailina Jamil dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Selain dari pembentangan kertas kerja dan forum, para delegasi persidangan juga telah dibawa melawat ke kawasan perladangan mangga 'Harum Manis' Perlis, Taman Herba di Sungai Batu Pahat, Perlis dan Perlis Essential Oils Sdn. Bhd. serta Taman Aromatik di Batu Sembilan, Beseri, Perlis.

